# CABARAN KOMUNITI PEKEBUN KECIL SAWIT DI MALAYSIA

**SHAFIRUL AB. WAHAB**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

# KELUASAN TANAMAN SAWIT MALAYSIA 2024




Note:
Organised smallholders consists of settlers under FELDA, FELCRA, RISDA, SALCRA, SLDB, KESEDAR, PKEINPK and LKTS.

# PENGENALAN

- Keluasan tanaman sawit di Malaysia telah mencapai lebih daripada 5.6 juta hektar.
- Pekebun kecil sawit persendirian mewakili 14% daripada keluasan keseluruhan tanaman sawit negara.
- Pekebun kecil sawit persendirian tidak terikat dengan agensi kerajaan.
- Bilangan pekebun kecil sawit persendirian adalah seramai 215,582 orang dengan keluasan tanaman sawit 817,527 hektar (Jan 2025).



# CIRI-CIRI PEKEBUN KECIL SAWIT

- Purata umur 56-58 tahun
- Purata pemilikan kebun 3.9 ha
- Tiada skala ekonomi
- *Semi - Labour intensive*
- Lokasi kebun di kawasan pedalaman & berselerak
- Capaian jalan yang tidak sempurna







# CABARAN PEKEBUN KECIL SAWIT

1) KETIDAKSTABILAN HARGA BUAH TANDAN SEGAR (BTS)
2) KEKURANGAN TENAGA KERJA
3) TIADA PELAN PENGURUSAN RISIKO
4) USIA YANG LANJUT & TIADA PEWARIS
5) ISU PEMILIKAN TANAH
6) TIADA SKALA EKONOMI
7) AKSES KEPADA PASARAN BTS
8) MODAL TERHAD





# KETIDAKSTABILAN HARGA BTS

- Kejatuhan harga minyak sawit mentah (MSM) di pasaran dunia
- Menjejaskan pendapatan pekebun kecil





# KETIDAKSTABILAN HARGA BTS

**Langkah yang diambil:**

- Mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)
- Melaksanakan kempen bagi memupuk kecintaan dan kebanggaan rakyat kepada industri sawit dan penggunaan produk sawit bagi sektor makanan dan bukan makanan
- Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Meneroka pasaran baru ke Timur Tengah
- Mempromosikan eksport khusus kepada pengguna minyak sayuran utama (India, China dan Pakistan)



SABTU 4 MAC 2017

BERITA SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan

100 ULANGTAHUN | Misi perkukuh pasaran sawit di Iran MUKA 2 | Pertandingan mekanisasi tawar hadiah AS$1 juta MUKA 3 | MPOB | BH

*Datuk Seri Mah Siew Keong ketika mengumumkan mengenai pelaksanaan MSPO secara mandatori kepada pihak media.*

## Pensijilan MSPO mandatori pada 2019

Pengeluaran sawit mampan untuk kebaikan industri jangka panjang

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

Pematuhan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) akan dijadikan mandatori kepada pihak industri sawit negara secara berperingkat bermula akhir tahun hadapan.

Untuk mereka yang telah mematuhi pensijilan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Mampan (RSPO), pematuhan mandatori MSPO untuk kumpulan ini akan bermula pada 31 Disember 2018. Bagi mereka yang tiada pensijilan RSPO, tarikh pematuhan pensijilan MSPO ditetapkan pada 30 Jun 2019.

Pekebun kecil pula perlu mematuhi pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata beliau sedar langkah ini agak tegas namun ianya perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri bagi jangka masa panjang.

**Standard minyak sawit**

"Keputusan ini bukan mudah. Negara-negara lain terutamanya di Eropah mahu kita melakukan RSPO. Saya rasa adalah mustahil bagi pekebun kecil berbuat demikian. Kita mesti ada standard minyak sawit mampan kita sendiri kerana kita adalah negara pengeluar," kata beliau di sidang akhbar di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata pihak kementerian kini dalam proses menyediakan insentif untuk membantu pihak industri sawit Malaysia, khususnya pekebun kecil bagi memenuhi syarat-syarat pensijilan MSPO.

"Kami akan menyediakan insentif kewangan pada Jun tahun ini untuk membantu pensijilan industri. Butiran sedang diusahakan," tambah beliau.

Pelaksanaan skim MSPO, yang bermula pada 1 Januari 2015 hingga kini adalah secara sukarela. Setakat ini, kawasan seluas 222,778 hektar daripada 5.74 juta hektar kawasan ditanam sawit mempunyai pensijilan MSPO. Kawasan ini diusahakan oleh ladang dan pekebun kecil.

Setakat Disember 2016, enam peratus daripada keluasan ladang sawit dan hanya 0.3 peratus daripada keluasan pekebun kecil yang mempunyai sijil MSPO.

Mah berkata langkah menjadikan pematuhan MSPO secara mandatori bertujuan untuk menaik taraf keseluruhan industri dan ia penting ke arah penjenamaan minyak sawit tempatan sebagai produk yang dihasilkan secara mampan dan selamat.

Pada 2016, nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Negara Kesatuan Eropah (EU) meningkat 4.14 peratus kepada RM10.30 bilion daripada RM9.89 bilion pada 2015.

**Tambah juru audit**

Pada majlis pertukaran perjanjian teknologi antara MPOB dan Premium Food Corporation Sdn Bhd yang berlangsung di Seri Kembangan pula, Mah telah memberitahu pemberita bahawa kerajaan akan menambah jumlah juru audit untuk pensijilan MSPO sebagai langkah mengurangkan kos untuk memenuhi keperluan pensijilan itu.

"Kita mahu memperbesarkan jumlah juru audit pensijilan MSPO. Ini akan menjana persaingan hebat untuk mengurangkan kos perkhidmatan di samping meningkatkan kecekapan," tambah beliau.

Mah berkata beliau telah bertemu dengan beberapa pekebun kecil di empat negeri dan mereka telah menyuarakan kebimbangan mengenai keperluan pematuhan pensijilan MSPO secara mandatori menjelang tahun 2019.

"Kami faham dengan kebimbangan mereka. Pihak kementerian akan mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan pekebun kecil dalam masa beberapa bulan ini untuk menjelaskan keperluan mematuhi pensijilan kemampanan sebagai usaha meluaskan pasaran minyak sawit negara," katanya.



# KEKURANGAN TENAGA KERJA

- Pekerja asing tidak boleh dibawa masuk kerana polisi kerajaan.
- Warga tempatan terutamanya belia tidak berminat.
- Persepsi negatif sektor perladangan- 3D.
- Gaji yang rendah berbanding sektor lain.
- Lokasi kerja di pedalaman.



**Langkah Yang diambil**

- Penggunaan mekanisasi.
- Pengurusan kebun secara kluster melalui koperasi.
- Memberikan faedah seperti tempat tinggal



# TIADA PELAN PENGURUSAN RISIKO

**Tiada strategi/ perancangan kontigensi sekiranya terdapat isu:**

- Bencana alam/ Perubahan cuaca
- Kejatuhan harga BTS
- Kenaikan harga input pertanian
- Pewaris bagi urustadbir kebun




**Langkah Yang diambil**

- Mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP)
- Mempelbagai sumber pendapatan



# USIA YANG LANJUT & TIADA PEWARIS

- Golongan pekebun kecil telah berusia – purata umur 56 – 58 tahun dan keatas.
- Tiada pelan penggantian untuk pengurusan kebun.
- Pewaris tidak berminat untuk menguruskan kebun.

**Langkah Yang diambil**

- Galakkan golongan belia untuk turut serta.
- Meningkatkan status sektor sawit.
- Menawarkan ganjaran yang setimpal dengan bidang kerja.





# ISU PEMILIKAN TANAH

- Purata pemilikan tanah yang kecil- 3.9 ha.
- Kos pengurusan yang tinggi untuk tukar status pemilikan.
- Tidak dapat memanfaatkan bantuan yang ada kerana pemilikan tanah yang tidak sah.

**Langkah Yang diambil**

- Galakkan pekebun kecil mendapatkan lesen bagi mengawal pencerobohan tanah.
- Bekerjasama dengan Pejabat Tanah & Galian sebagai pemudahcara kepada pekebun kecil.



# TIADA SKALA EKONOMI

Saiz purata kebun yang kecil menyebabkan kos yang tinggi:-

- Upah pekerja.
- Pembelian input.
- Pengangkutan.
- Penyelenggaraan kebun.



**Langkah yang boleh diambil:-**

- Pengurusan kebun secara berkelompok oleh koperasi- KPSM.
- Tidak meneruskan aktiviti ini.



# AKSES KEPADA PASARAN BTS

- Kekangan untuk akses kepada pasaran BTS pekebun kecil menggunakan orang tengah iaitu yang mempunyai lesen *dealer fruit* (DF) daripada MPOB.
- Faktor keluasan tanah, pengeluaran yang sedikit, status tanah yang tidak jelas dan kaedah bayaran lebih mudah mempengaruhi pekebun kecil memilih orang tengah.
- Monopoli harga oleh orang tengah menyebabkan pekebun kecil mendapat harga BTS yang rendah.




**Langkah yang diambil:-**

- Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) salah satu usaha daripada kerajaan untuk memecah monopoli harga di pasaran.

- Fungsi KPSM untuk menyatukan pekebun kecil persendirian agar mereka dapat menjaga kepentingan bersama bagi meningkatkan produktiviti dan taraf sosioekonomi mereka.



# MODAL TERHAD

- Pekebun kecil berhadapan dengan kekangan kewangan terutama pada peringkat awal penanaman sawit.
- Kerbergantungan terhadap hasil sawit sangat tinggi kerana tidak mempunyai kerja sampingan lain.
- Pekebun kecil menghadapi kesukaran untuk penanaman baru/ tanaman semula tanaman sawit.
- Kos penyelenggaran kebun terutama bagi aktiviti pembajaan adalah tinggi.

**Langkah yang diambil:-**

- Insentif yang disediakan oleh kerajaan melalui MPOB seperti:-
    - Bantuan penanaman semula (TSPKS2.0)
    - Bantuan input pertanian (IPPKS)
    - Bantuan integrasi ternakan (ITe)
    - Bantuan integrasi tanaman kontan (ITa)







# Data Hasil BTS Pekebun Kecil Dari **Tahun 2019 Hingga 2023**

| **HASIL BTS (TAN/HA/TAHUN)** | **2019** *(n= 400)* | **2020** *(n= 433)* | **2021** *(n= 506)* | **2022** *(n=984)* | **2023** *(n=875)* |
|---|---|---|---|---|---|
| Semenanjung | 17.25 | 17.15 | 15.98 | 16.65 | 18.00 |
| Sabah | 15.89 | 14.83 | 14.28 | 12.96 | 13.74 |
| Sarawak | 17.29 | 15.24 | 13.59 | 13.67 | 14.54 |
| Malaysia | 17.01 | 16.13 | 15.07 | 14.42 | 15.42 |

*Nota : Data Hasil BTS Pekebun Kecil adalah dari Survei Buku Rekod Kebun (BRK)*

# Pendapatan Pekebun Kecil Persendirian- PKP 2023

| BIL | PERKARA | SEMENANJUNG | SABAH | SARAWAK | MALAYSIA |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Purata pengeluaran BTS tahunan (tan/ha/tahun) | 18 | 13.74 | 14.54 | 15.42 |
| 2 | Purata harga BTS (RM/tan)** | 784 | 734 | 727 | 748 |
| 3 | Pendapatan kasar tahunan (RM/ha) | 14,112 | 10,085 | 10,571 | 11,539 |
| 4 | Anggaran kos pengeluaran BTS (RM/tan) | 410 | 473 | 373 | 419 |
| 5 | Anggaran kos pengeluaran BTS tahunan (RM/ha/tahun) | 7,380 | 6,499 | 5,423 | 6,461 |
| 6 | Pendapatan bersih tahunan (RM/ha/tahun) ( 3 - 5) | 6,732 | 3,586 | 5,147 | 5,078 |
| 8 | Pendapatan bersih bulanan berdasarkan purata pemilikan kebun (RM/bulan/hektar) | 561 | 299 | 429 | 423 |

# PERANAN MPOB KEPADA PEKEBUN KECIL

## Taburan Pejabat Dan Pegawai TUNAS Mengikut Negeri

| ZON | TABURAN | | PEJABAT TUNAS |
|---|---|---|---|
| | NEGERI | BIL. PTK | |
| Tengah | Selangor | 11 | 3 |
| | Melaka | 2 | 1 |
| | N. Sembilan | 4 | 1 |
| Jumlah Tengah | | 17 | 5 |
| Utara | Perak | 32 | 4 |
| | Kedah/P.Pinang/Perlis | 5 | 1 |
| Jumlah Utara | | 37 | 5 |
| Timur | Kelantan | 2 | 1 |
| | Pahang | 15 | 3 |
| | Terengganu | 1 | 2 |
| Jumlah Timur | | 18 | 6 |
| Selatan 1 | Johor | 24 | 4 |
| Selatan 2 | | 25 | 5 |
| Jumlah Selatan | | 49 | 9 |
| Sabah 1 | Sabah | 18 | 6 |
| Sabah 2 | | 14 | 6 |
| Jumlah Sabah | | 32 | 12 |
| Sarawak 1 | Sarawak | 22 | 8 |
| Sarawak 2 | | 17 | 4 |
| Jumlah Sarawak | | 39 | 12 |
| Jumlah Keseluruhan | | 192 | 49 |

PTK- Pegawai TUNAS Kawasan

# PERANAN MPOB KEPADA PEKEBUN KECIL

Kemajuan Pensijilan MSPO (*Malaysia Sustainable Palm Oil*) SPOC MPOB mengikut negeri sehingga **31 Jan 2025**

| PEKEBUN KECIL | BILANGAN PK BERSIJIL | PERATUSAN (%) | KELUASAN (HA) BERSIJIL | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| Persendirian(PKP)* | 205,018 | 95.10 | 763,811 | 93.43 |

| BIL | NEGERI | DISIJILKAN (B)* | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | BIL PK | % | LUAS (Ha) | % |
| 1 | JOHOR | 58,018 | 100.00 | 144,400.04 | 100.00 |
| 2 | KELANTAN | 2,477 | 100.00 | 7,641.00 | 100.00 |
| 3 | PAHANG | 12,475 | 100.00 | 38,640.36 | 100.00 |
| 4 | NEGERI SEMBILAN | 5,274 | 100.00 | 20,788.41 | 100.00 |
| 5 | MELAKA | 2,479 | 100.00 | 9,521.63 | 100.00 |
| 6 | SABAH | 30,794 | 100.00 | 193,103.23 | 98.05 |
| 7 | PERAK | 33,027 | 88.10 | 77,924.95 | 92.90 |
| 8 | SELANGOR | 11,141 | 84.20 | 17,304.14 | 90.37 |
| 9 | PULAU PINANG | 1,188 | 87.03 | 4,918.43 | 90.14 |
| 10 | SARAWAK | 39,183 | 78.09 | 219,562.33 | 81.22 |
| 11 | TERENGGANU | 3,372 | 99.56 | 9,427.64 | 89.31 |
| 12 | KEDAH | 5,590 | 77.71 | 20,579.33 | 78.23 |
| **JUMLAH** | | **205,018** | **95.10** | **763,811.49** | **93.43** |

# KESIMPULAN

- MPOB telah membuka peluang baru kepada pekebun kecil melalui:-
  - ✓ Koperasi- peluang perniagaan (KPSM)
  - ✓ Mempelbagaikan pendapatan- integrasi ternakan & tanaman kontan
  - ✓ Pensijilan MSPO- secara percuma bagi mendapatkan harga BTS yang terbaik
  - ✓ Pewujudan Pusat TUNAS- agen pengembangan di seluruh negara.
- Pekebun kecil perlu mengambil inisiatif dan bersikap proaktif bagi memastikan pembangunan kebun mereka seiring dengan perkembangan teknologi.







# TERIMA KASIH



